



GRADUASI Kelas 6 Uranus bergambar kenangan bersama tetamu dan guru-guru.



ISLI menyampaikan replika cek berjumlah RM3,000 kepada Mahani (kanan) sambil diperhatikan Maimoon.

SK Pantai rai Majlis Graduasi tahun enam dengan jayanya

LABUAN: Seramai 101 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pantai telah menghadiri Majlis Graduasi kali ketiga bagi murid tahun enam 2016 yang berlangsung di Hotel Aifa, baru-baru ini.

Majlis perasmian dan penyampaian sijil disempurnakan oleh Pengerusi Koperasi Kopsis Labuan Berhad dan Yayasan Isli merangkap Bapa Angkat Korporat SK Pantai Datuk Haji Isli Haji

Siput.

Menurut Guru Besar SK Pantai Mahani Hussin, majlis graduasi SK Pantai itu disambut dengan penuh gemilang dan meriah.

Beliau yakin majlis itu akan menjadi sejarah dan bermakna bagi murid tahun enam yang akan meneruskan pengajian mereka ke peringkat menengah.

Katanya keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah tahun 2016 kohot pertama

bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diumumkan.

"Tahniah kepada murid-murid yang telah berjaya dengan cemerlang manakala kepada murid-murid yang tidak berjaya di harap jangan berputus asa kerana perjalanan masih jauh.

"Pada tahun ini murid dinilai melalui pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang terdapat empat pentaksiran didalamnya.



Murid tahun 6 membuat persembahan koir pada majlis penutupan.



AJK pendaftaran yang aktif dalam layanan mesra pendaftaran ibu bapa dan murid.

"Ini menunjukkan PBS merupakan pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif iaitu intelek, efektif iaitu emosi dan rohani serta psikomotor, yakni

jasmani selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan," katanya.

Pada tahun ini juga, seramai enam murid bekeperluan khas (MBK) telah mengikuti

pentaksiran alternatif sekolah rendah (PASR) dan seorang murid menduduki peperiksaan UPSR.

Pentaksiran PASR itu diperkenalkan untuk murid pendidikan khas yang kurang berkemampuan untuk mengikuti kurikulum dan pentaksiran arus perdana.

PASR menggunakan pendekatan pentaksiran bersepadu yang dapat menggalakkan penglibatan dan pembelajaran melalui beberapa elemen kemahiran dalam situasi sebenar kehidupan murid.

segala aktiviti dan program sekolah," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya Datuk Isli berkata budaya berilmu merupakan amalan yang sepatutnya diamalkan sejak dari kecil lagi.

Katanya peranan guru dalam mendidik murid untuk membaca dapat melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Agama Islam sendiri menggalakkan umatnya membaca sehingga terbukti kelahiran ramai tokoh-tokoh ilmunan yang terunggul.

"Kesemua tokoh berkenaan memulakan penerokaan mereka daripada ilmu yang dicapai sehingga mereka dapat menghasilkan penemuan baru," katanya.

Semua pemimpin negara juga menggalakkan masyarakatnya membaca supaya mereka tidak akan ketinggalan dalam menerima kecanggihan dan kemodenan dunia sama ada dari segi ekonomi, perkapalan, sosial, kesihatan dan sebagainya.

Budaya berilmu amat penting bagi pembentukan minda seseorang pelajar khususnya. Murid-murid harus didedahkan dengan bahan bacaan dan aspek pembacaan yang berkualiti bagi melahirkan generasi pelapis pada masa hadapan.

Majlis Graduasi 2016 itu turut dihadiri oleh Ketua

